

**Belia Perlu Diberi Peluang Tunai Tanggungjawab Berbakti Kepada Masyarakat
Bernama
Jan 1, 2015**

KOTA KINABALU, 1 Jan (Bernama) -- Belia masa kini harus diberi peluang menjalankan tanggungjawab mereka untuk berbakti kepada masyarakat tanpa perlu menunggu waktu sesuai agar mereka bersedia menjadi pelapis kepada kepimpinan negara pada masa akan datang.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Kota Kinabalu Datuk Seruji Nawawi berkata peluang seperti itu berupaya melatih golongan muda menjadi pemimpin bukan hanya di peringkat komuniti tetapi juga untuk negeri Sabah, khususnya dan negara, amnya.

"Kita tidak boleh menunggu untuk memberi peluang itu kerana mereka adalah bakal pengganti kepada pemimpin yang ada pada hari ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis malam cinta Allah SWT dan Rasulullah SAW sempena ambang tahun baharu di Masjid Jamek Likas di sini Rabu malam.

Turut hadir bekas Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Ahmadshah Abdullah.

Mengenai majlis itu, Seruji, yang juga Pengerusi Masjid Jamek Likas, berkata golongan belia kawasan Likas telah diberi peluang menganjurkan majlis berkenaan melibatkan belia yang berumur di antara 20 hingga 25 tahun.

Beliau berkata program yang julung kalinya diadakan sejak 50 tahun penubuhan masjid itu adalah atas inisiatif belia di kawasan itu dengan kerjasama ahli jawatankuasa masjid Jamek berkenaan.

Majlis itu dihadiri kira-kira 1,000 orang dan tabung bantuan untuk mangsa banjir di seluruh negara turut dilancarkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097339>